

29/09/1997

Cuba pusat stok, pengedaran beras

Manja Ismail in Havana

PADIBERAS Nasional Bhd (Bernas), melalui usahasama dengan Thailand dan Vietnam, mungkin menjadikan Cuba sebagai pusat stok dan pengedaran beras serantau bagi pasaran negara Caribbean.

Untuk tujuan itu, Bernas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Alimport, anak syarikat Kementerian Perdagangan Luar Cuba yang bertanggungjawab mengimport beras ke negara itu, di Havana semalam.

Bagi mengukuhkan komitmennya dalam memperluaskan kegiatan Bernas ke rantau Caribbean, ia turut menandatangani satu lagi MoU dengan Union Complejos Agroindustriales del Arroz, anak syarikat Kementerian Pertanian Cuba yang bertanggungjawab ke atas semua pengeluaran beras di negara komunis ini.

Mewakili Bernas dalam upacara menandatangani kedua-dua MoU itu ialah Pengarah Urusannya, Ibrahim Nor. Alimport diwakili Naib Presidennya, Alberto Rio, manakala Union Complejos Agroindustriales del Arroz oleh Presidennya, Miguel Rodriguez del Arraz.

Menurut Ibrahim, langkah Bernas mengadakan usaha sama dengan Alimport selaras dengan usahanya menubuhkan pusat pengedaran serantau selepas berbuat demikian di Guinea bagi kawasan Afrika Barat.

Ketika ini Thailand sudah memberikan komitmennya untuk usaha sama itu, manakala rundingan antara Bernas dan Vietnam dijangka mencapai kata sepakat tidak lama lagi.

Ibrahim yang menyertai delegasi perniagaan dalam rombongan lawatan rasmi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Cuba berkata, jumlah import beras Asia ke Caribbean semakin meningkat dengan Cuba saja membeli kira-kira 300,000 tan setahun.

"Kami berpendapat perkembangan ini memerlukan satu pusat simpanan beras serantau. Jika berjaya, pembukaan pusat ini di Cuba bukan saja menstabilkan bekalan dan harga beras serantau tetapi meningkatkan perdagangan antara rantau.

"Pada masa yang sama, ia menyediakan pasaran baru dan besar kepada Bernas dan rakan kongsinya," kata Ibrahim sambil menambah, langkah itu selaras dengan matlamat Bernas untuk menjadi pemain dalam perniagaan beras antarabangsa dengan tumpuan kepada Asia, Afrika dan Caribbean/Amerika Latin.

MoU dengan Union Complejos Agroindustriales del Arroz pula membabitkan penilaian kemungkinan penyertaan Bernas dalam menambah pengeluaran beras di Kepulauan Caribbean berikutan pengeluaran Cuba semakin berkurangan ekoran masalah penyediaan input.

"Kami percaya dua MoU ini adalah langkah pertama penyertaan Bernas di Cuba dan seterusnya ke Kepulauan Caribbean," katanya. Seramai 70 ahli perniagaan Malaysia menyertai rombongan Dr Mahathir ke Cuba. Hari ini, rombongan itu berlepas ke Santiago, Chile sebelum ke Montevideo, Uruguay dan Buenos Aires, Argentina.

Sementara itu, sebuah syarikat Malaysia, Raza Manufacturing Sdn Bhd, dengan Heber Biotec S A, syarikat pemasaran Pusat Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi (CIGB) berunding kemungkinan membawa masuk produk CIGB ke Malaysia.

CIGB yang dikunjungi Perdana Menteri kelmarin, menghasilkan interferon yang digunakan secara berkesan dalam merawat denggi dan wabak tropika lain. Malah, Cuba sudah lama diisytiharkan bebas daripada denggi dan malaria walaupun iklimnya sama dengan Malaysia.

(END)